

09 FEB 2003

Sukan-LTdL

TOM DANIELSON JUARA KESELURUHAN EDISI KE-8

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Tom Danielson dari pasukan Saturn, Amerika Syarikat muncul juara keseluruhan edisi kelapan Jelajah Berbasikal Telekom Malaysia Le Tour de Langkawi (LTdL), yang berakhir di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Danielson mengumpul masa 31 jam 54 minit 9 saat pada perlumbaan ke-10 sejauh 1,342.8 kilometer yang bermula di Pulau Langkawi pada 31 Jan lepas.

Kejayaan beliau sekali gus menafikan harapan pelumba Selle Italia, Hernan Dario Munoz untuk mempertahankan gelaran yang telah dimenangnya tahun lepas.

Munoz sekadar menduduki tempat kedua, ketinggalan 9 saat di belakang Danielson, manakala Freddy Gonzalez, juga dari Selle-Italia menduduki tempat ketiga.

Danielson menerima hadiah kemenangannya daripada Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan upacara penutup LTdL itu sebaik berakhir perlumbaan peringkat ke-10 petang tadi.

Pada perlumbaan peringkat ke-10 hari ini iaitu Kuala Lumpur Kriteriaum sejauh 75.6km itu sekadar menyaksikan Danielson menduduki tempat ke-46, tetapi sudah cukup untuk mempertahankan jersi kuning yang telah dimilikinya sejak dari perlumbaan peringkat ke-8 lagi.

Ini merupakan kejayaan terbaik dalam karier Danielson yang berhasrat untuk terus memantapkan persembahannya selepas ini.

"Ia berbaloi selepas bekerja keras dan berharap akan memberi jalan kepada saya untuk menjadi pelumba terbaik," kata Danielson.

"Ia satu pencapaian terbesar..saya berlumba dengan ramai pelumba handalan terutama Hernan Munoz, rakan sepasukan Nathan O'Neill, Graeme Brown dan juga Stewart O'Grady...dan ia satu pengalaman yang berguna," tambah beliau.

"Saya menyaksikan cara mereka berkayuh dan belajar benayak daripada mereka," kata Danielson.

Perlumbaan peringkat ke-10 hari ini telah dimenangi oleh pelumba pasukan Panaria, Ruben Bongiorno yang mencatat masa 1 jam 49 minit 42 saat, begitupun ia tidak cukup baginya untuk meraih sebarang gelaran di LTdL kali ini.

Gelaran raja pecut selaku pemilik mutlak jersi hijau dimenangi oleh Graeme Brown dari pasukan Panaria yang memungut sejumlah 128 mata kesemuanya.

Pencabarnya Stuart O'Grady dari Credit Agricole sekadar berpuas hati ditempat kedua dengan jumlah 113 mata.

Gelaran Raja Bukit untuk jersi polka dot dimenangi Roland Green dari Kanada setelah mengumpul 49 mata sementara pelumba pilihan untuk menjuarai kategori ini Hernan Dario Munoz hanya menduduki tempat ke-3 dengan kutipan 29 mata.

Pelumba Jepun mempamerkan kehebatan dalam kategori bukit apabila menduduki tempat kedua dengan 28 mata.

Bagi kategori pelumba Asia (Jersi Biru) menjadi milik Tomoya Kano dari Jepun setelah mengumpul catatan masa 31 jam 59 minit 29 saat, sementara juara bertahan Tonton Susanto dari pasukan Telekom Malaysia sekadar menduduki tempat kedua, ketinggalan 20 saat di belakang.

Kategori berpasukan Asia pula, menjadi milik Iran setelah mengumpul catatan masa 96 jam 11 minit 02 saat. Jepun menduduki tempat kedua sementara Telekom Malaysia berada di kedudukan ketiga.

Pasukan kebangsaan hanya berpuas hati di tangga ke-4 ketinggalan 22
minit 07 saat di belakang Iran

Pasukan Selle Italia dari Columbia yang memintas penguasaan Saturn
selepas perlumbaan peringkat ke-9 semalam, menjadi juara keseluruhan
berpasukan dengan jumlah catatan masa 95 jam 47 minit 07 saat. Saturn dari
Amerika Syarikat berada di tempat kedua, ketinggalan 9 minit 32 saat.

--BERNAMA

AHA ZB